

TRANSFORMING SPECIAL NEEDS EDUCATION - MISSION POSSIBLE

Rosita binti Manas
Pengetua
SMK Taman Daya, Johor Bahru, Johor

ABSTRAK

Dalam membicarakan tentang sekolah sebagai institusi yang menyediakan murid menghadapi dunia kerjaya yang berbeza, apakah peranan sekolah, pengetua sebagai ketua jabatan, guru-guru dan komuniti setempat dalam merealisasikan hasrat ini? Bagaimana pula dengan masa depan murid-murid yang sekarang ini berada dalam Program Pendidikan Khas, yang berkeperluan khas yang pelbagai? Adakah tugas kita sebagai pendidik dikatakan ‘berjaya’ kerana kita telah dapat menjaga murid-murid ini sehingga umur mereka mencapai 19 tahun? Persoalan yang lebih besar sebenarnya adalah, “Ke mana mereka akan pergi selepas tamat persekolahan?” “Apakah kerjaya yang sesuai bagi mereka agar mereka dapat berdikari dan menjana pendapatan sendiri? Mampukah murid-murid berkeperluan khas ini bersaing dengan individu-individu yang bukan berkeperluan khas dalam dunia yang sekarang ini melalui Revolusi Industri ke 4. Justeru, pembentangan ini akan berfokus kepada murid-murid pendidikan khas SMK Taman Daya dan bagaimana sekolah merancang dan melaksanakan program-program transisi yang menjurus ke arah menyediakan murid-murid ini dari aspek fizikal, mental dan kemahiran asas pekerjaan.

Kata kunci: kemahiran asas, kemahiran berkaitan dengan pekerjaan, kemahiran interpersonal, pembentukan peribadi berkualiti.

LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Daya, Pasir Gudang, Johor ialah sebuah sekolah harian yang menempatkan murid dari 4 unit yang berbeza; Aliran perdana yang terdiri daripada murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, Pra Universiti, Program Vokasional Menengah Atas Membuat Pakaian (PVMA) bagi murid berumur 16 hingga 17 tahun dan Program Pendidikan Khas bagi murid berumur 13 hingga 19 tahun. Dalam pembentangan ini, saya sebagai Pengetua akan menarik perhatian kita semua kepada pelajar-pelajar Pendidikan Khas SMK Taman Daya dan transformasi yang telah dan sedang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran anak-anak istimewa ini khususnya dalam menyediakan mereka menghadapi dunia kerjaya Revolusi Industri ke 4.

Jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah lain di daerah Pasir Gudang, SMK Taman Daya mempunyai jumlah murid Pendidikan Khas yang paling tinggi iaitu 85 orang. Jumlah guru-guru Pendidikan Khas adalah seramai 14 orang, 5 orang Pegawai Pembantu Murid dan diselaraskan oleh seorang Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas.

Berikut adalah data murid berkeperluan khas di SMK Taman Daya bagi Tahun 2017 dan 2018.

Jadual 1.

Jumlah murid mengikut kategori ‘disability’

BIL	KATEGORI ‘DISABILITY’	JUMLAH MURID
1	Learning Disorder	43
2	Autisme	15
3	Down Syndrome	8
4	William Syndrome	1
5	Mild Mental Disorder	3
6	Cerebral Palsy	2
7	Hydrocephalus	1
8	Schizophrenia	1
9	ADHD	1
10	Dyslexia	2
11	Physical Disorder	1
12	Hyperactive	2
13	Speech and Language Disorder	2
14	Global Development Delay	2
15	Rubella Syndrome	1
JUMLAH MURID		85 ORANG

MASALAH

Tinjauan awal pada tahun 2015, apabila saya ditempatkan bertugas sebagai pengetua di SMK Taman Daya, hampir 90% pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam bilik darjah. Asas kemahiran yang diberi kepada murid-murid bermasalah pembelajaran dan dyslexia adalah sangat terhad iaitu; mewarna, latihan asas menjahit tangan dan penyediaan makanan yang mudah. Hala tuju murid selepas tamat persekolahan tidak dikaji, justeru tidak ada program-program khusus dilaksanakan bagi membantu murid-murid membuat persediaan diri secara mental, fizikal dan kemahiran dalam menghadapi dunia kerjaya.

Beberapa masalah dikenalpasti iaitu;

1. Kehadiran.

Peratus kehadiran bagi murid-murid berkeperluan khas ini agak rendah iaitu antara 80% hingga 85% setiap hari dan sekaligus menjelaskan peratus kehadiran keseluruhan murid SMK Taman Daya.

2. Tingkah laku Murid.

Sebahagian besar murid yang dikategorikan sebagai ‘high functioning’ mula menunjukkan sikap agresif dan tidak berminat berada dalam bilik darjah selepas 2 jam berada di sekolah. Mereka lebih cenderung meninggalkan bilik darjah dan menimbulkan masalah kepada guru-guru dalam mengawal keselamatan mereka.

3. Murid Berhenti Sekolah

Berikut adalah data murid yang berhenti sebelum tamat persekolahan.

Jadual 2.

Bilangan murid berhenti sebelum tamat persekolahan mengikut tahun dan kategori

TAHUN	KATEGORI MURID & BILANGAN BERHENTI	
2013	Learning Disorder	- 3 orang
	Dyslexia	- 1 orang
2014	Learning Disorder	- 2 orang
	Autisme	- 1 orang
2015	Learning Disorder	- 3 orang
	Dyslexia	- 1 orang
2016	Learning Disorder	- 2 orang
	Autisme	- 1 orang

Dari data di atas, murid yang berpotensi berhenti adalah murid-murid kategori ‘higher functioning’ yang boleh dilatih dengan kemahiran.

4. Hala Tuju Murid

Isu yang menjadi asas perbincangan dan pembentangan ialah persiapan murid menghadapi dunia pekerjaan.

Berikut adalah data murid yang telah tamat persekolahan bagi 3 tahun berturut-turut dan pekerjaan yang mereka ceburi.

Jadual 3.

Bilangan murid tamat persekolahan dan pekerjaan yang diceburi mengikut tahun

TAHUN	BIL MURID TAMAT PERSEKOLAHAN (19 TAHUN)	BIL MURID MENDAPAT PEKERJAAN	JENIS PEKERJAAN
2014	7 orang	2 orang	<ul style="list-style-type: none"> - Pembantu Supervisor di Mc Donalds (1) - Pekerja biasa di Gerai Makanan - Pekerja biasa di Mc Donalds (1)
2015	8 Orang	2 orang	<ul style="list-style-type: none"> - Pekerja biasa di Tesco (1) - Membantu di kedai runcit keluarga
2016	5 orang	1 orang	<ul style="list-style-type: none"> - Pekerja biasa di Pusat Penjagaan Kanak-kanak
2017	7 orang	1 orang	

OBJEKTIF

Setelah mengambil kira masalah-masalah yang dihadapi mulai 2013 hingga 2015, saya bersama barisan pentadbir dan guru-guru Pendidikan Khas mengambil langkah untuk mewujudkan program-program yang menjurus ke arah menyediakan latihan asas kemahiran keusahawanan yang sekaligus memberi latihan kepada murid berdikari dan belajar menjana pendapatan sendiri seawal di peringkat sekolah lagi. Ini juga merupakan program inklusif yang berimpak tinggi yang boleh dilaksanakan secara berterusan.

Program-program transisi (Transition Plans) yang diperkenalkan oleh Akta IDEA (Individuals With Disabilities Act) ini tidak akan dapat melibatkan semua murid berkeperluan khas. Murid-murid yang dikategorikan sebagai ‘higher functioning’ sahaja yang mampu dibantu dan digilap oleh pihak sekolah harian biasa seperti SMK Taman Daya.

Objektif melaksanakan program-program keusahawanan ini adalah jelas, iaitu;

- i. i. Meningkatkan minat murid hadir ke sekolah
- ii. ii. Mengurangkan masalah murid berkelakuan agresif atau regresif
- iii. iii. Memberi semangat baharu dan peluang kepada guru-guru berkarya dan menjadi
 - iv. lebih inovatif sebagai pendidik
- v. iv. Memberi kemahiran interpersonal, pembinaan karakter dan watak, keyakinan diri
 - vi. dan terapi minda dan jiwa
- vii. v. Mempersiapkan murid-murid dengan kemahiran menghadapi dunia kerjaya
 - viii. Revolusi Industri ke 4

KAEDAH

Sebelum menetapkan bentuk program keusahawanan, analisis persekitaran dilaksanakan terlebih dahulu. Berikut merupakan kekuatan yang ada dalam kalangan guru-guru Pendidikan Khas dan juga kelebihan dalam bentuk fizikal sekolah, SMK Taman Daya;

1. Guru-guru yang mempunyai kemahiran dan minat dalam:
 - 1.1 Aspek penanaman pokok.
 - 1.2 Aspek masakan dan penyediaan makanan
 - 1.3 Aspek kerja-kerja kraf tangan dan kesenian
2. Kemudahan sedia ada di sekolah
 - 2.1 Kawasan tanah lapang untuk tanaman
 - 2.2 1 unit Dobi
 - 2.3 Mock House (sebahagian ruang boleh digunakan untuk kerja-kerja kraftangan)
3. Sokongan dan Sumbangan Dana
 - 3.1 PIBG SMK Taman Daya
 - 3.2 Yayasan Pelajaran Johor
 - 3.3 NGO
 - 3.4 Kerajaan Negeri Johor

Dengan mengambil kira kekuatan yang ada inilah, maka program-program keusahawanan berikut dirancang dan diterjemahkan.

i) PROJEK ROSELLE@SCHOOL

Projek Roselle@School ini dimulakan pada awal bulan Jun 2017. Ini adalah projek kerjasama Program Pendidikan Khas SMK Taman Daya bersama mahasiswa Duta Jauhar 4.0 Universiti Malaysia Kelantan dan Yayasan Pelajaran Johor. Projek Duta Jauhar ini adalah hasil ilham YAB Datuk Seri Haji Mohamed Khalid Nordin, Menteri Besar Johor, yang bertujuan menghasilkan usahawan-usahawan muda dalam kalangan anak-anak negeri Johor.

Projek ini melibatkan 30 orang murid-murid berkeperluan khas masalah pembelajaran, 8 orang guru-guru Pendidikan Khas dan 10 orang mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan. Dana berjumlah RM8000 bagi memulakan projek ini disumbangkan sepenuhnya oleh Yayasan Pelajaran Johor.

Kronologi Pelaksanaan Projek Roselle@School

Langkah 1 - Jun 2017

Penyediaan tapak untuk tanaman roselle seluas 20 kaki x 40 kaki dalam kawasan sekolah. Merawat tanah dan membuat batas. (Gambar 1)



Gambar 1. Murid-murid menyediakan tapak tanaman roselle

Langkah 2 - September 2017

Membaja anak pokok. Tanah ditutup dengan plastik bagi mengelakkan hakisan tanah dan rumput. (Gambar 2)



Gambar 2. Aktiviti membaja anak-anak pokok roselle

Langkah 3 - Oktober 2017

Murid memulakan kerja-kerja kemahiran memetik buah roselle dan membuang biji untuk dimasak bagi menghasilkan JUS ROSELLE dan JEM ROSELLE.
(Gambar 3 dan 4)



Gambar 3. Pokok-pokok roselle yang telah mula mengeluarkan buah



Gambar 4. Memulakan proses membuat jus dan jem Roselle

Langkah 4

Pelajar mempelajari asas membuat jus dan jem dan teknik mempakej hasil untuk jualan di pasaran. (Gambar 5 dan Gambar 6)



Gambar 5. Jus roselle yang telah siap untuk dipasarkan



Gambar 6. Jem roselle hasil kerja tangan murid-murid

Langkah 5

Murid diberi latihan mempromosi, menjual dan berkomunikasi dengan rakan-rakan dan orang awam dalam pameran-pameran, carnival dan program-program luar yang melibatkan keusahawanan. (Gambar 7 dan 8).



Gambar 7. Murid mempromosi dan menjual jus dan jem yang dihasilkan



Gambar 8. Murid-murid menyertai aktiviti keusahawanan

ii) PROJEK SpED CRAFTSHOP


Projek kraftangan ini merupakan satu lagi program memberi kemahiran psikomotor murid-murid disamping memberi mereka kemahiran menghasilkan kraftangan yang mudah dan mempunyai potensi untuk dipasarkan kepada masyarakat luar. Sekali gus dapat menjana pendapatan murid-murid setelah mereka tamat persekolahan.

Idea dan kreativiti murid-murid sangat diutamakan dalam menghasilkan kraftangan ini agar mereka dapat melihat potensi dan bakat yang sedia ada dalam diri mereka serta dapat meningkatkan keyakinan diri mereka.

Bagi merealisasikan projek ini, sebuah bilik khas disediakan dengan mengambil sebahagian dari ruang ‘MOCK HOUSE’ yang telah didirikan pada tahun 2016. Bilik khas ini disediakan bagi murid-murid menjalankan projek kraf mereka. (Gambar 9, 10, 11). Program ini dilaksanakan sebegini agar murid-murid dapat merasa suasana sebenar bekerja menghasilkan kraftangan dari rumah untuk dijual di pasaran luar. Murid-murid ini juga dibawa ke tapak ekspo, karnival dan program-program luar supaya mereka dapat mempamerkan hasil kerja mereka dan melalui proses menjual kepada khalayak ramai. (Gambar 12, 13, 14, 15, 16)



Gambar 9. Pandangan luar MOCK HOUSE



Gambar 10. Pandangan dalam MOCK HOUSE



Gambar 11. Bilik Kraftangan



Gambar 12. Hasil kraftangan yang dibuat oleh murid



Gambar 13. Satu lagi hasil kraftangan oleh murid



Gambar 14. Hasil kraftangan sedia untuk dipasarkan



Gambar 15. Bangga dengan hasil tangan sendiri



Gambar 16. Murid turut diajar mencanting batik

iii. PROJEK MUDAH.DOBI

Projek MUDAH.DOBI adalah satu lagi projek keusahawanan yang baru diusahakan pada awal tahun 2018. Murid diberi kemahiran mengoperasi mesin basuh, menyukat cecair pencuci bersesuaian dengan kuantiti pakaian yang dicuci, mengeringkan pakaian dengan mesin pengering, menekan pakaian dengan dua kaedah; seterika biasa dan seterika wap, melipat pakaian dan seterusnya menyerahkan kepada pelanggan dengan mengambil bayaran servis yang telah diberikan.

Pada peringkat awal iaitu pada Januari 2016, sekolah hanya mampu menyediakan 1 mesin basuh dan 1 mesin pengering sahaja. Pada masa itu, murid hanya menjalankan kemahiran mencuci, mengering dan melipat pakaian. Dengan dana yang diperolehi dari kerajaan negeri berjumlah RM 10,000, unit Dobi telah dapat dibesarkan dan akan menempatkan 2 lagi mesin basuh dan 1 lagi mesin pengering. Dengan kemudahan ini, lebih ramai lagi murid mendapat peluang mempelajari kemahiran ini.




Gambar 17. Murid diajar membasuh dan mengering pakaian



Gambar 18. Seorang murid menggosok baju pelanggan

IMPAK



Gambar Rajah 1. Impak projek-projek keusahawanan yang dijalankan



JUS ROSELLE - 6000 BOTOL (RM 18000)
JEM ROSELLE - 800 UNIT (RM2400)
ANAK POKOK - 70 UNIT (RM 1050)



LUKISAN BATIK - 30 UNIT (RM 600)
CENDERAMATA PELBAGAI 2000 UNIT
(RM 10 000)



SERVIS MENCUCI DAN MENEKAN
PAKAIAN (RM 1800)

*Gambar Rajah 2. Pendapatan murid melalui projek keusahawanan
(bermula Oktober 2017)*

Secara konklusifnya, sekolah harian biasa yang melaksanakan program pendidikan khas yang berorientasikan inklusif sebegini telah berjaya mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif di sekolah dan sekaligus mengatasi isu diskriminasi dalam kalangan murid. Ia juga mewujudkan ‘welcoming communities’, masyarakat inklusif dan memberi peluang pembelajaran untuk semua. Usaha seperti ini juga bukan sahaja membuka mata warga sekolah yang bukan berkeperluan khas, malah ia juga membuka mata dan minda masyarakat luar yang juga merupakan ‘stake holders’ sekolah. Apa yang paling berharga yang diperolehi oleh murid-murid berkeperluan khas di SMK Taman Daya adalah peluang menjalani proses transisi sebelum mereka keluar bekerja dan berdikari kelak.

RUJUKAN

- Bachman J.G., O'Malley P.M. (1977). Self-esteem in young men: A longitudinal analysis of the impact of educational and occupational attainment. *Journal of Personality and Social Psychology*, 35, 365–380.874740
- Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). Data Pendidikan Khas 2010. Bahagian Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Faridah, Serajul Haq. (2003). Career and Employment Opportunities for Women with Disabilities in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 14(1), 71-78.
- Melessa, Ng Lee, Yen, Abdullah, & See, Ching Mey. (2011). Employment of People with Disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education*, 26(1), 112-124.
- Sharma, R.N, Shobra, Singh, & Kutty, A. T. Thressia. (2006). Employment Leads to Independent Living and Self-advocacy: A Comparative Study of Employed and Unemployed Persons with Cognitive Disabilities. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 17(1), 50-60.
- Tiun Ling Ta, Lee Lay Wah, & Khoo Suet Leng. (2011). Employment of People with Disabilities in Northern States of Peninsular Malaysia: Employers' Perspective. *Disability, CBR and Inclusive Development*, 22(1), 79-94.